

# 'Tiada Rumah Terbuka Aidilfitri agensi kerajaan, GLC dan GLIC'

Lawatan rasmi ke luar negara turut dihad sebagai langkah penjimatan

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan memutuskan semua agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat berkaitan pelaburan kerajaan (GLIC) tidak akan menganjurkan sebarang peraya-

an Rumah Terbuka Aidilfitri tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ini bagi memberikan satu mesej supaya perbelanjaan lebih cermat dan sederhana dilaksanakan ketika ketegangan di Asia Barat masih belum menunjukkan

tanda untuk reda.

"Ada yang bertanya kalau keadaan terkawal dan barang keperluan seperti minyak dan gas itu masih boleh disediakan dan mencukupi, apa keperluan?, kita (putusan) waspada dan berjimat.

"Saya kata ini langkah waras bagi kita supaya jangan kita nanti terjebak dengan keadaan yang lebih parah. Jadi sebaiknya kita ambil sikap lebih sederhana, lebih bertanggungjawab.

## Mulakan langkah positif

"Sebagai petanda supaya pimpinan memulakan langkah yang lebih positif, saya telah memutuskan bersama dengan Jemaah Menteri tadi supaya semua agensi kerajaan dan GLIC (syarikat pelaburan berkaitan kerajaan) tidak akan menganjurkan perayaan rumah terbuka Aidilfitri," katanya pada sidang media khas di pejabatnya, semalam.

Sementara itu, dalam masa yang sama, Anwar berkata, an-

tara langkah penjimatan lain yang diambil termasuk menghadkan lawatan rasmi ke luar negara bagi Jemaah Menteri dan seluruh anggota pentadbiran kerajaan serta jabatan akan melainkan yang sudah dijadualkan.

"Menteri dan seluruh anggota pentadbiran dan jabatan-jabatan dihadkan ke lawatan ataupun kunjungan ke luar negara, melainkan yang memang dalam jadual yang wajib dihadiri," katanya.